

**D.R. 17/2014**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2 dengan menggantikan takrif “Registrar” dengan takrif yang berikut:

‘ “Registrar” means the Registrar designated under subsection 20A(1) of the Companies Commission of Malaysia Act 2001;’.

**Pemotongan seksyen 3, 9, 10 dan 14**

3. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 3, 9, 10 dan 14.

**Kecualian**

4. Apa-apa perbuatan, perkara atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, rayuan, penyiasatan, pemeriksaan, arahan atau keputusan yang belum selesai atau sedia ada, di bawah seksyen yang dipotong sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah diteruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (“Akta 197”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk membenarkan Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk menggantikan takrif “Registrar” oleh sebab takrif “Registrar” diperuntukkan dalam seksyen 2 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*].
4. *Fasal 3* bertujuan untuk memotong seksyen 3, 9, 10 dan 14 Akta 197 kerana semua perkara dalam seksyen ini diperkatakan dalam seksyen baru 20A, 27C, 27B dan 38A Akta 614 masing-masing.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk mengadakan peruntukan kecualian.

**IMPLIKASI KEWANGAN**

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2417]